

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MAJLIS DAERAH REMBAU  
NEGERTI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Oleh  
NOOR RAHZA BINTI ABDUL RAZAK  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2004

dn: 5248

**1100045522**

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang <i>Noor Bahisa Binti Abdul Razak.</i>	No. Panggilan <i>J1 13 PRE 1 2004</i>
Judul Laporan industri di Majlis daerah Lembau	
Tarikh	Waktu
	Pemulangan

CIN: 5248

1100045522

Perpustakaan

J Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 13 FPE I 2004



1100045522

## Laporan akhir latihan industri di Majlis Daerah Rembau Negeri Sembilan / Noor Rahiza Abdul Razak.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045522

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MAJLIS DAERAH REMBAU  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**Oleh**

**NOOR RAHIZA BINTI ABDUL RAZAK**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**( Polisi dan Sekitaran Sosial )**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
**Jabatan Ekologi Sosial**  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
**Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia**  
**( KUSTEM )**

**2004**

**1100045522**

### **Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya **Noor Rahiza binti Abdul Razak ( UK 6702 )** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi ( FPE ), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



**Nama :** Noor Rahiza binti Abdul Razak

**Tarikh :** 17/10/04

**Disahkan Oleh :**

---

**Cik Nor Hayati binti Sa'at**

**Penyelia KUSTEM**

**B/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya saya dapat menjalani Latihan Industri selama 12 minggu bermula dari 22 Mac 2004 sehingga 12 Jun 2004 di Majlis Daerah Rembau ( MDR ) Negeri Sembilan Darul Khusus dan dapat menyiapkan laporan akhir Latihan Industri ini dengan jayanya. Latihan Industri ini adalah diwajibkan kepada pelajar tahun tiga yang bakal bergraduat bagi memenuhi skop kursus Latihan Industri ( SOS 4299 ). Objektif utama Latihan Industri ini diadakan adalah untuk memberikan pengalaman sebenar di alam pekerjaan disamping dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia ( KUSTEM ) kerana telah memperkenalkan dan mewajibkan Latihan Industri ini kepada pelajar sekaligus dapat memberikan pengalaman berharga di alam pekerjaan sebenar. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia KUSTEM iaitu Cik Nor Hayati bte Sa'at yang begitu prihatin dan telah banyak memberikan tunjuk ajar serta penerangan yang lengkap berkaitan dengan Latihan Industri ini.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Tuan Zanudin bin Abd. Aziz, Yang Dipertua MDR dan Encik Nazrul Azwan bin Mohd. Naim selaku Setiausaha MDR yang telah sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di sana. Tidak lupa juga kepada Penyelia Industri iaitu Puan Suhaila bte. Mat Nor selaku Penolong Pegawai Tadbir kerana telah banyak memberikan bantuan, idea dan tunjuk ajar serta menilai prestasi sepanjang saya menjalani Latihan Industri.

Seterusnya kepada semua staf MDR khususnya di Unit Pentadbiran dan Unit Teknikal dan Bangunan serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, terima kasih diucapkan kerana telah memberikan kerjasama yang amat menggalakkan. Pengalaman manis bersama anda semua tidak akan dilupakan.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada kedua ibubapa, keluarga serta rakan-rakan yang telah banyak memberikan sokongan moral, idea, nasihat dan teguran dalam usaha saya menyiapkan laporan akhir Latihan Industri ini.

Diharapkan pengalaman ini akan dapat dijadikan panduan yang berguna apabila saya melangkah ke alam pekerjaan kelak.

Sekian, terima kasih.

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
----------------------	-------------------

Pengesahan Keaslian Laporan	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv-v
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Ringkasan Eksekutif	viii

## **BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kawasan	2
1.3 Kependudukan	3
1.4 Misi, Visi, Dasar Kualiti, Piagam Pelanggan Dan Objektif	3-5
1.4.1 Misi	
1.4.2 Visi	
1.4.3 Dasar Kualiti	
1.4.4 Piagam Pelanggan	
1.4.5 Objektif	
1.5 Struktur Organisasi	5-10
1.5.1 Senarai Nama Yang Dipertua Majlis Daerah Rembau	
1.5.2 Carta Organisasi	
1.5.3 Senarai Perjawatan Tetap MDR Tahun 2004	
1.6 Perkhidmatan Yang Diberikan Oleh Majlis Daerah Rembau	11-12
1.7 Objektif Dan Fungsi Setiap Unit	12-27
1.7.1 Unit Pentadbiran	
1.7.2 Unit Perlesenan	
1.7.3 Unit Pengindahan dan Kawal Selia	
1.7.4 Unit Kewangan dan Hasil	
1.7.5 Unit Penilaian	
1.7.6 Unit Perancang Bandar Dan Desa	
1.7.7 Unit Teknikal Dan Bangunan	
1.7.8 Unit Penguatkuasaan	
1.7.9 Unit Sistem Maklumat	
1.8 Sumber Kuasa Majlis Daerah Rembau	27-29

1.9	Kemahiran Yang Telah Dipelajari	29-32
1.9.1	Sistem Fail Dan Surat-Menyurat	
1.9.2	Memperbaharui Buku Indek	
1.9.3	Belanjawan Atau Sistem Kewangan	
1.9.4	Jualan Tender	
1.9.5	Lain-Lain	
1.10	Kesimpulan	32

## BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH

2.1	Sistem Sedia Ada	33-46
2.1.1	Sistem ‘LOGINS’	
2.1.2	Sistem Pengurusan Kaunter	
2.1.3	Sistem Pengurusan Fail	
2.1.4	Sistem Pengendalian Pengaduan Awam	
2.1.5	Sistem Pengurusan Kewangan	
2.1.6	Sistem Pengurusan Aset Dan Stor	
2.1.7	Sistem Kutipan Hasil Dan Tunggakan	
2.1.8	Sistem Pengurusan Projek	
2.2	Pengenalpastian Masalah	46-51
2.2.1	Masalah Kewangan	
2.2.2	Penggunaan Komputer	
2.2.3	Kemudahan Infrastruktur	
2.2.4	Sumber Manusia	
2.2.5	Sistem Kerja	
2.2.6	Lain-Lain	
2.3	Cadangan Penyelesaian	51-54
2.4	Kesimpulan	54

## BAB 3 PENUTUP

## 55 -56

## RUJUKAN

## LAMPIRAN

## **SENARAI JADUAL**

JADUAL 1 : Senarai Perjawatan Tetap MDR 2004

## **SENARAI RAJAH**

**RAJAH 1 : Senarai Nama Yang Dipertua Majlis Daerah Rembau**

**RAJAH 2 : Carta Organisasi Majlis Daerah Rembau**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Penulis telah ditempatkan di Majlis Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus selama 12 minggu untuk menjalani Latihan Industri dan sepanjang tempoh itu penulis telah didedahkan dengan sistem kerja dan pentadbiran organisasi. Terdapat banyak pengalaman dan kemahiran yang telah dipelajari oleh penulis.

Majlis Daerah Rembau adalah sebuah badan penguasa tempatan yang tertakluk di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ( Akta 171 ). Ia adalah sebuah agensi kerajaan yang memberikan perkhidmatan perbandaran yang optimum kepada pelanggan. Terdapat empat perkhidmatan utama yang diberikan oleh Majlis Daerah Rembau iaitu perlesenan, penilaian atau kutipan cukai kadaran, jadual kutipan sampah dan kemudahan sosial.

Selama tempoh menjalani Latihan Industri penulis telah ditempatkan dan didedahkan dengan sistem kerja di beberapa unit seperti Unit Pentadbiran, Unit Teknikal dan Bangunan dan Unit Perancang Bandar dan Desa. Di antara kemahiran dan sistem kerja yang telah dipelajari oleh penulis ialah sistem fail dan surat-menyurat, memperbaharui buku indek, mengikuti proses pembentangan belanjawan, membuat minit mesyuarat, mengikuti proses penjualan tender dan memproses sendiri permohonan kelulusan bangunan bagi menambah atau mengubahsuai rumah.

Melalui pemerhatian dan perbincangan dengan penyelia industri penulis telah dapat mengenalpasti sistem yang digunakan di Majlis Daerah Rembau. Di antara yang utama ialah sistem ‘LOGINS’, sistem pengurusan kaunter, sistem pengurusan fail, sistem pengendalian pengaduan awam, sistem pengurusan kewangan, sistem pengurusan aset dan stor, sistem kutipan hasil dan tunggakan serta sistem pengurusan projek.

Sepanjang menjalani Latihan Industri di Majlis Daerah Rembau, penulis telah dapat mengenalpasti beberapa masalah yang terdapat di organisasi tersebut. Di antara masalah yang utama ialah masalah kewangan, penggunaan sistem komputer, kemudahan infrastruktur, sumber manusia dan sistem kerja.

Di antara cadangan penyelesaian yang telah dikemukakan oleh penulis ialah dengan mengatasi terlebih dahulu masalah kewangan dengan cara menambah bilangan projek pembangunan dan membuat belanjawan dengan lebih efektif. Melalui Latihan Industri ini, penulis dapat menimba banyak pengalaman dan dapat merasai sendiri situasi sebenar di alam pekerjaan. Usaha yang dilakukan oleh pihak KUSTEM dengan mewajibkan pelajar menjalani Latihan Industri ini telah membawa hasil di mana penulis dapat mengaitkan dan mengaplikasikan teori ke dalam praktikal.